

UniMAP LANCAR E-PORTFOLIO MUDAHKAN GRADUAN CARI KERJA

Oleh : Mohd Basri Basir

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) membangunkan sistem e-Portfolio bagi memudahkan pelajar tahun akhir universiti itu melakukan proses carian pekerjaan sejourus bergraduasi nanti.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Zul Azhar Zahid Jamal, berkata sistem yang dibangunkan dengan kerjasama antara Pusat Kerjasama Industri dan Agensi Kerajaan (CIGC) dan Pusat Teknologi Maklumat (ICT) UniMAP membantu pelajar tahun akhir menghasilkan resume secara dalam talian (e-Resume) yang lebih komprehensif.

Beliau berkata, graduan kini tidak lagi perlu menghabiskan wang ringgit untuk mencari pekerjaan dengan merantau jauh tanpa arah tuju yang jelas khususnya dalam mencari pekerjaan.

"Pelajar boleh log masuk ke dalam e-Portfolio dan mengisi maklumat peribadi yang diperlukan sebelum sistem berkenaan menghasilkan resume secara elektronik atau dalam talian. Sejourus resume berkenaan dihasilkan, syarikat yang mempunyai kerjasama dengan UniMAP boleh log masuk e-Portfolio untuk melihat resume berkenaan sebelum ia dinilai dan memanggil calon untuk ditemuduga.

"Kelebihannya sangat banyak kerana sistem terbabit adalah platform terbaik berdasarkan konsep permintaan dan penawaran terhadap pelajar dan syarikat dalam industri," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Karnival Konvensyen Kerjaya Bersama Industri Utara (NICE 4) 2019, hari ini.



Mengulas lanjut, Zul Azhar berkata, UniMAP tidak mengenakan sebarang caj atau bayaran tertentu kepada pemain industri atau syarikat yang ingin melog masuk ke dalam sistem e-Portfolio.

"Sehingga kini, lebih daripada 3,000 e-Resume pelajar UniMAP sudah dimuatkan ke dalam e-Portfolio dan 50 syarikat sudah mendaftar sebagai penawar pekerjaan.

"Saya percaya, e-Portfolio bakal memudahkan lagi proses penempatan pekerjaan bakal graduan yang mana turut meningkatkan kadar keboleh pasaran graduan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian," katanya.

Beliau berkata, pelajar juga dapat menjadikan sistem berkenaan sebagai platform untuk membuka peluang pelajar mencari kenya sebagai sebelum menanti tankh konvokesyen atau ketika menjalani latihan industri.